

**Tahap kesedaran masih rendah, Malaysia duduki tangga ke-30 dalam
'World Giving Index'
AstroAwani
07 Disember 2019
Faris Danial Razi,**

CYBERJAYA: Tahap kesedaran tentang kesukarelawanan rakyat Malaysia masih berada di tahap rendah.

Menurut kajian Charities Aids Foundation (CAF) World Giving Index, Malaysia menduduki tangga ke-30 daripada 146 buah negara yang tersenarai.

Dalam pada itu, Timbalan Menteri Belia Dan Sukan Steven Sim Chee Keong menegaskan bahawa tahap kesedaran tersebut tidak harus diukur berdasarkan 'ranking' meskipun kedudukan Malaysia kini berada di belakang negara-negara jiran.

Hal ini kerana, beliau menjelaskan bahawa Malaysia sememangnya sudah mempunyai semangat kemasyarakatan yang tinggi sejak dahulu lagi.

“Walaupun sekarang kita berada di tangga ke-30 dalam World Giving Index dan berada di belakang negara-negara jiran,”

“Saya yakin dengan galakan daripada kerajaan daripada NGO dan juga pihak swasta, Malaysia mampu untuk maju atau menambah baik kedudukan kita di carta ini,” ujar Steven.

Berdasarkan hasil kajian tersebut, Malaysia berada di belakang negara jiran seperti Myanmar yang berada di tangga kedua, manakala Indonesia di tangga ke-10 dan Thailand di tangga ke-21.

Dalam pada itu, beliau menambah bahawa kedudukan tersebut bukan menjadi matlamat utama negara, tetapi semangat yang dipupuk itulah yang perlu difokuskan oleh rakyat.

“Matlamat kita sebenarnya adalah ingin mempupuk semangat bersatu padu bergotong-royong, bantu-membantu, semangat keharmonian di kalangan anak muda di Malaysia, itu matlamat utama kita sebenarnya,” katanya.

Steven berkata demikian semasa menghadiri Majlis Pelancaran Sambutan Hari Kesukarelawanan Malaysia (HKM) 2019 yang diadakan di Dewan Tun Canselor, Universiti Multimedia (MMU) Cyberjaya, pagi tadi.

Hari Kesukarelawanan dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia atau International Volunteer Day (IVD) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 5 Disember setiap tahun.

Ia juga diwujudkan bagi menghargai jasa dan sumbangan yang telah diberikan oleh sukarelawan kepada masyarakat bertemakan Hala Tuju Sukarelawan di Malaysia.

© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tahap-kesedaran-masih-rendah-malaysia-duduki-tangga-ke-30-dalam-world-giving-index-224740>